

## **Khalwat Maya dalam Era Digital: Analisis Hukum Pergaulan *Ajnabiyah* Menggunakan Metodologi Qias**

### ***Virtual Khalwat in the Digital Era: A Legal Analysis of Non-Mahram Interactions Using Qiyas Methodology***

**Mohd Azhar Abdullah<sup>1</sup>, Abdul Azib Hussain<sup>2</sup>, Nur Sarah Tajul Urus<sup>3</sup>, Mohd Saiba Yaakob<sup>4</sup>, & Nur Shahidah Abdul Hamid<sup>5</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, dr.azhar@kias.edu.my

<sup>2</sup> Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, azib@kias.edu.my

<sup>3</sup> Kulliyah of Shariah and Law, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300, Malaysia, saadgoma@unishams.edu.my

<sup>4</sup> Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, mohdsaiba69@gmail.com

<sup>5</sup> Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, nurshahidahamid@kias.edu.my

#### **ABSTRACT**

*The rapid development of digital technology has transformed patterns of human interaction, shifting them toward increasingly open and unrestricted virtual communication and giving rise to the phenomenon of “virtual khalwat” within Muslim society. Virtual khalwat refers to a two-way digital interaction between a man and a non-mahram woman in a private communication space that may lead to suspicion, temptation, or moral transgression. While the issue of interaction between non-mahram individuals has been widely discussed by contemporary scholars, specific deliberations on digital interactions remain general and lack systematic legal formulation. This study aims to analyze the concept of virtual khalwat and determine its legal ruling based on the prohibition of physical khalwat from an Islamic legal perspective. The research adopts a qualitative approach through a library-based study, employing content analysis and qiyas methodology grounded in primary and secondary sources. The findings indicate that virtual khalwat can be analogically extended to physical khalwat due to the shared ‘illah, namely the seclusion between a man and a non-mahram woman that may lead to fitnah and moral depravity. This conclusion is supported by empirical data demonstrating the rise of social problems and the deterioration of moral values among youth and family institutions in the digital era. Accordingly, the study concludes that virtual khalwat is legally prohibited based on qiyas with physical khalwat, except in cases of necessity. These findings have significant implications for the Ministry of Education, the Ministry of Communications, and Islamic religious authorities in strengthening guidelines on social media usage from an Islamic perspective within the national education system.*

**Keywords:** *Virtual Khalwat; Non-Mahram; Qiyas; Digital Interaction; Social Media*

---

## ABSTRAK

Perkembangan pesat teknologi digital telah mengubah pola interaksi manusia ke arah komunikasi maya yang semakin terbuka dan tidak terbatas, sekali gus mencetuskan fenomena “khalwat maya” dalam kalangan masyarakat Islam. Khalwat maya ialah interaksi digital dua hala antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* dalam ruang komunikasi tertutup yang mendorong kepada syak, fitnah atau rangsangan syahwat. Isu pergaulan lelaki dan perempuan *ajnabiyah* telah dibahaskan oleh sarjana kontemporari, namun perbincangan khusus berkaitan interaksi digital masih bersifat umum dan belum dirumuskan secara sistematik dari sudut hukum. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis konsep khalwat maya serta menetapkan hukumnya berdasarkan hukum asal pengharaman khalwat menurut perspektif syarak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian perpustakaan dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dan metodologi qias dalam sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian menunjukkan bahawa khalwat maya boleh diqiaskan kepada khalwat hakiki kerana berkongsi ‘illah yang sama, iaitu wujud suasana bersunyian antara lelaki dengan perempuan *ajnabiyah* yang boleh mencetuskan fitnah dan kerosakan moral. Fakta ini disokong oleh data empirikal yang menunjukkan peningkatan masalah sosial dan keruntuhan moral remaja dan institusi kekeluargaan dalam era digital. Sehubungan itu, artikel menyimpulkan khalwat maya tertakluk kepada hukum haram berdasarkan aplikasi qias dengan khalwat hakiki, kecuali ketika terdapat keperluan mendesak. Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada institusi pendidikan dan agensi agama untuk memperkukuhkan pendidikan serta kesedaran penggunaan media sosial menurut perspektif Islam dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** Khalwat Maya; *Ajnabiyah*; Qias; Pergaulan Digital; Media Sosial

### How to Cite:

Received : 15.10.2026  
Revised : 17.05.2026  
Accepted : 21.05.2026  
Published : 31.05.2026

Abdullah, M. A., Hussain, A. A., Tajul Urus, N. S., Yaakob, M. S., & Abdul Hamid, N. S. (2026). Khalwat Maya Dalam Era Digital: Analisis Hukum Pergaulan *Ajnabiyah* Menggunakan Metodologi Qias. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 129–145

## 1. Pendahuluan

Pergaulan melalui platform digital boleh dikategorikan sebagai bentuk *ikhtilat majazi* yang tidak melibatkan pertemuan fizikal, namun tetap membawa implikasi sosial yang signifikan (Zaharudin, 2021; Zurita, 2021). Dalam kerangka globalisasi, sifat komunikasi maya yang terbuka, pantas dan sukar dikawal telah mencetuskan pertembungan pendekatan fiqh antara aliran konservatif dan kontemporari dalam menentukan hukum interaksi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah*. Perbahasan mengenai *al-ikhtilat* telah diketengahkan oleh sarjana seperti Saqar, Zaydan, al-Qaradawi, Abu Shuqqah dan al-Muqaddam sejak dekad 1990-an, dan mula berkembang dalam wacana tempatan sekitar satu dekad kemudian (Anisah, 1999). Pada peringkat awal, perbincangan tertumpu kepada interaksi di ruang awam, sebelum berkembang kepada interaksi maya yang sebelum ini hanya disentuh secara umum.

Kajian empirikal menunjukkan korelasi signifikan antara pendedahan media sosial dengan kemerosotan akhlak. Ab. Halim & Zarin (2009) dalam kajian mereka mendapati wujud hubungan negatif yang signifikan antara pendedahan media massa dengan pegangan akhlak pelajar. Semakin tinggi pendedahan, semakin rendah tahap pegangan akhlak. Nurul Izzah (2021) melaporkan kajian Orestes (2002) mendapati 20% remaja Asia terlibat penzinaan, 24% pornografi, 21% seks pranikah, dan 35% kes juvana akibat pengaruh media sosial. Yuan, Z. (2024) dalam artikel *Impact of Media Dependence: How Emotional Interactions Between Users and Chat Robots Affect Human Socialization?* mengkaji 428 responden dan mendapati

kebergantungan terhadap media sosial memberi kesan terhadap interaksi emosi secara positif. Fenomena ini menyokong hikmah pengharaman pergaulan bebas maya dalam Islam bahawa apabila batasan syarak diabaikan, kebergantungan emosi terbentuk merosakkan hubungan hakiki dan membawa kepada ketagihan media sosial yang tidak sihat. Impak paling kritikal ialah kehancuran institusi perkahwinan bermula daripada perselingkuhan maya. Pulley, A. (2023) dalam *Love and Infidelity: Causes and Consequences* menegaskan perselingkuhan maya dianggap sama traumatik dengan perselingkuhan fizikal. Maheu & Subotnik (2007) dalam *Infidelity on the Internet: Virtual Relationships and Real Betrayals* mendokumentasikan bagaimana hubungan maya bermula dengan sembang biasa, berkembang menjadi perkongsian emosi intim, dan akhirnya memusnahkan kepercayaan dalam perkahwinan. Young, K.S. (2008) dalam *Online Infidelity in Internet Chat Rooms: An Ethnographic Exploration* mendapati walaupun tiada sentuhan fizikal, perselingkuhan maya merosakkan eksklusiviti perkahwinan dan dianggap pengkhianatan.

Kajian lain juga membuktikan bahawa pola penyalahgunaan media sosial yang sangat ketara. Gottman, J. & Silver, N. (2024) dalam *How to Build Trust with Your Partner After Infidelity* menggariskan pola bagaimana Platform seperti *WhatsApp*, *Instagram Direct Message*, dan *Facebook Messenger* memudahkan proses ini dengan ciri “*end-to-end encryption*” yang menyembunyikan komunikasi. Realiti semasa menunjukkan bahawa pergaulan dalam media sosial telah memberi kesan nyata terhadap struktur sosial dan moral masyarakat, khususnya remaja. Peningkatan kes eksploitasi seksual, hubungan tidak sah dan penyimpangan tingkah laku dalam kalangan remaja dikaitkan dengan penggunaan media sosial tanpa kawalan. Antaranya termasuk kes trauma yang membawa kepada perlakuan tidak bermoral serta peningkatan kehamilan luar nikah, dengan laporan mencatatkan seramai 16,951 remaja terlibat akibat pergaulan bebas dan keganasan seksual. Selain itu, dunia digital turut dilihat sebagai “jerat baharu” yang memerangkap golongan muda dalam hubungan maya yang merosakkan nilai dan akhlak (Utusan Malaysia, 2025; Bernama, 2025; myMetro, 2025; Berita Harian, 2025).

Fenomena ini menunjukkan bahawa interaksi maya bukan sahaja memberi implikasi psikologi dan emosi, bahkan berpotensi mencetuskan kerosakan sosial yang lebih luas. Hal ini selari dengan peringatan Rasulullah SAW bahawa dalam situasi berdua-duaan, wujud pihak ketiga iaitu syaitan (Sunan al-Tirmizi: 1171. Al-Arna’ut berpendapat hadis *hasan li ghairih*). Justeru, keadaan ini mengukuhkan keperluan untuk memperincikan dan memantapkan garis panduan pergaulan dalam media sosial menurut perspektif syarak agar selaras dengan tuntutan maqasid dalam memelihara agama, maruah dan keturunan.

## 2. Soroton Literatur

Khazanah fiqh turath telah membincangkan interaksi hakiki lelaki dengan perempuan yang berlaku dalam ruang fizikal. Ulama turath seperti Imam al-Nawawi (t.th) dalam *al-Majmu’*, Ibn Hajar al-Haytami (1983) dalam *Tuhfat al-Muhtaj*, dan al-Sharbini (1994) dalam *al-Iqna’*, Ibn ‘Abidin (1966) dalam *Hasyiah Radd al-Muhtar* menghuraikan isu ini dalam bab-bab berkaitan larangan khalwat, batasan pandangan semasa meminum, musafir tanpa mahram dan adab pergaulan di ruang awam. Dalam beberapa perbahasan, ulama turut menyentuh bentuk interaksi tidak langsung seperti melihat wanita *ajnabiyah* melalui pantulan cermin atau air, yang menjadi asas konseptual kepada interaksi bukan hakiki dalam fiqh. Prinsip-prinsip seperti menjaga maruah, mengawal rangsangan syahwat dan menutup pintu fitnah (سد الذرائع) menjadi asas dalam penentuan hukum, walaupun medium interaksi pada zaman tersebut masih bersifat fizikal.

Dalam wacana kontemporari, isu *al-ikhtilat* telah dibahas secara lebih tersusun oleh sarjana seperti Zaydan (1994), diikuti oleh al-Qaradawi (1998) dan al-Muqaddam yang

memperincikan bentuk-bentuk pergaulan moden. Abu Shuqqah (1990) melalui analisis hadis dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim mengenal pasti lebih daripada tiga ratus bentuk interaksi antara lelaki dan perempuan, menggambarkan keluasan ruang pergaulan yang diiktiraf syarak dalam batas tertentu. Pada masa yang sama, kajian-kajian dalam bidang sosial dan komunikasi memberi tumpuan kepada faktor dan kesan pergaulan bebas dalam media sosial seperti keterbukaan tanpa kawalan, interaksi tanpa sempadan masa dan ruang, serta pembentukan kebergantungan emosi digital yang membawa kepada peningkatan gejala sosial dan keruntuhan institusi kekeluargaan (Nurul Izzah, 2021; Sahrul Nazmi, 2019; Ab. Halim & Zarin, 2009; Othman et al., 2019; Yuan, 2024).

Namun demikian, kebanyakan kajian ini hanya menekankan aspek deskriptif dan batasan umum syarak tanpa menghuraikan secara mendalam mekanisme penetapan hukum terhadap interaksi maya. Perbincangan yang mengklasifikasikan interaksi digital sebagai bentuk khalwat serta menganalisisnya melalui kerangka metodologi usul fiqh, khususnya qias, masih sangat terhad. Justeru, jurang ini menuntut penelitian yang mengintegrasikan prinsip fiqh turath dengan realiti teknologi digital semasa bagi menghasilkan rumusan hukum yang lebih sistematik dan berautoriti.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian perpustakaan dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan bagi meneliti konsep khalwat maya antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* dalam perspektif hukum Islam. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam menganalisis teks daripada sumber turath dan kontemporari bagi memahami proses pembinaan hukum secara istinbat (Sabitha Marican, 2005; Noraini Idris, 2010). Sumber data kajian dibahagikan kepada dua kategori utama. Pertama, sumber primer yang meliputi al-Quran, hadis sahih daripada *al-kutub al-sittah* serta karya fiqh turath sebagai asas pembentukan hukum. Kedua, sumber sekunder yang terdiri daripada jurnal akademik berindeks, karya ulama kontemporari serta fatwa rasmi institusi mufti (Mohd Majid Konting, 2005).

Fokus utama kajian adalah menganalisis hukum khalwat maya melalui aplikasi metodologi qiyas sebagai pendekatan istinbat. Skop kajian merangkumi bentuk interaksi digital dua hala seperti aplikasi mesej segera, media sosial dan komunikasi visual dalam talian. Kajian ini tidak mengaplikasikan metodologi lain seperti *sadd al-dhara'i'*, *istihsan* dan *'urf* bagi mengekalkan ketelitian analisis terhadap qias sebagai kerangka utama. Analisis data dilaksanakan melalui tiga tahap. Pertama, analisis konseptual bagi membangunkan kerangka teori khalwat maya berdasarkan perbincangan fiqh klasik. Kedua, analisis qias dengan mengenal pasti rukun-rukun utama iaitu *asl*, *far'*, *'illah* dan *hukm*, seterusnya menilai persamaan *'illah* antara khalwat hakiki dan khalwat maya. Ketiga, analisis komparatif bagi meneliti perbezaan pandangan antara ulama turath dan kontemporari serta menilai kesesuaian aplikasi hukum dalam konteks digital semasa. Pendekatan ini membolehkan kajian merumuskan hukum secara sistematik berasaskan dalil syarak yang sahih di samping mengambil kira perubahan medium interaksi dalam era teknologi digital.

### 4. Dapatan Kajian

Kajian ini menetapkan kerangka konseptual yang komprehensif bagi khalwat maya antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* dalam perspektif hukum Islam melalui aplikasi metodologi qias. Analisis terhadap definisi khalwat maya menunjukkan bahawa ia merangkumi komunikasi digital secara dua hala antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* dalam keadaan bersendirian yang mendatangkan syak, fitnah atau membangkitkan syahwat. Lima ciri utama

khalwat maya telah dikenal pasti: interaksi eksklusif tanpa kehadiran pihak ketiga, komunikasi dalam ruang peribadi digital yang menyerupai bilik tertutup, kerahsiaan maklumat yang dikongsi, ketiadaan batasan masa dan tempat, serta kekerapan interaksi yang sukar dikawal akibat kemudahan teknologi.

Aplikasi metodologi qias membuktikan kesahan pengharaman khalwat maya melalui penetapan empat rukun qias: Pertama, *asl* (pokok) iaitu khalwat hakiki yang diharamkan berdasarkan nas al-Quran dan hadis. Kedua, *far'* (cabang) iaitu khalwat maya yang berlaku melalui platform digital. Ketiga, *'illah* (sebab hukum) iaitu potensi fitnah dan kerosakan moral yang wujud dalam kedua-dua bentuk khalwat. Keempat, *hukm* (hukum) iaitu haram berdasarkan pemindahan hukum dari *asl* kepada *far'*. Analisis terhadap dalil al-Quran, khususnya ayat 27 surah al-Nur mengenai adab memasuki rumah, dan hadis-hadis sahih yang melarang khalwat hakiki, menunjukkan persamaan *'illah* antara khalwat fizikal dan maya. Platform komunikasi peribadi seperti *WhatsApp*, *Instagram Direct Message*, dan *Facebook Messenger* dapat diqiyaskan dengan “pintu maya” yang memerlukan izin sebelum diakses, berdasarkan tiga wajah persamaan: perlindungan privasi, pencegahan kerosakan, dan pemeliharaan adab pergaulan.


Jadual 1: Aplikasi Qias bagi Hukum Khalwat

Rukun Qias	Elemen	Justifikasi
<b>Al-Asl</b> (Perkara Asal)	Khalwat hakiki	Berdua-duaan lelaki dan perempuan <i>ajnabiyah</i> dalam ruang tertutup/sunyi tanpa mahram
<b>Hukm al-Asl</b> (Perkara Cabang)	Haram	Berdasarkan hadis sahih yang eksplisit
<b>Al-Far'</b> (Perkara Cabang)	Khalwat maya	Komunikasi peribadi tertutup antara lelaki dan perempuan <i>ajnabiyah</i> melalui platform digital
<b>Al-'Illah</b> (Sebab Hukum)	Pencetus fitnah dan kerosakan moral	1. Membuka ruang kepada hubungan intim. 2. Mengganggu institusi perkahwinan. 3. Merangsang syahwat dan nafsu. 4. Merosakkan kehormatan dan maruah.
<b>Natijah Hukum</b>	Haram	Berkongsi <i>'illah</i> yang sama dengan <i>asl</i>

Sumber: Penulis (2025)

Data empirikal yang dikumpulkan memperkukuhkan keprihatinan syariah terhadap khalwat maya. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan lonjakan drastik kadar perceraian sebanyak 43.1% dari 43,936 kes (2021) kepada 62,890 kes (2022), walaupun menurun 8.7% kepada 57,835 kes pada 2023. Kumpulan umur tertinggi bercerai ialah 35-39 tahun bagi lelaki dan 30-34 tahun bagi perempuan - iaitu pengguna aktif media sosial dengan pendedahan tinggi terhadap platform digital. Data menunjukkan 21,368 pasangan berusia 30 tahun ke bawah didaftarkan bercerai pada usia perkahwinan kurang 5 tahun pada 2020, dengan 33.9% kes perceraian berlaku dalam tempoh 1-5 tahun perkahwinan.

Rajah 2: Umur Perceraian di Malaysia 2016-2023.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2023)

Kajian kontemporari oleh Kenny & Mirna Nur (2024) serta Alfian (2023) mengidentifikasi empat pengaruh negatif media sosial yang menyumbang kepada keruntuhan institusi perkahwinan: potensi perselingkuhan maya, pengabaian tanggungjawab keluarga, masalah kewangan akibat aktiviti dalam talian, dan kegagalan mengawal penggunaan media sosial. Kajian antarabangsa turut menyokong dapatan ini. Yuan (2024) dalam kajiannya terhadap 428 responden membuktikan kebergantungan media mengawal selia interaksi emosi secara positif yang signifikan. Maheu & Subotnik (2007) mendokumentasikan bagaimana hubungan maya bermula dengan sembang biasa, berkembang menjadi perkongsian emosi intim, dan akhirnya memusnahkan kepercayaan dalam perkahwinan. Young (2008) mendapati walaupun tiada sentuhan fizikal, perselingkuhan maya merosakkan eksklusiviti perkahwinan dan dianggap pengkhianatan. Gottman & Silver (2024) menggariskan pola bagaimana platform dengan ciri “*end-to-end encryption*” memudahkan proses perselingkuhan melalui empat rangkaian: komunikasi rahsia lewat malam, perkongsian emosi intim, pembentukan ikatan emosi mendalam, dan pengabaian pasangan sah. Bahkan, laporan Berita Harian (2025) mencatatkan seramai 16,951 remaja terlibat akibat pergaulan bebas dan keganasan seksual.

Kajian ini juga telah menggariskan garis panduan praktikal bagi pergaulan maya yang menepati syarak berdasarkan aplikasi qias. Lapan syarat asas pergaulan telah diperincikan kepada sepuluh syarat pelengkap yang sesuai dengan konteks media sosial, termasuk tujuan yang selaras dengan syarak, penggunaan perkataan bermoral, nada suara normal, simbol komunikasi yang baik, menundukkan pandangan, tempoh masa yang wajar, kekerapan yang munasabah, waktu yang sesuai, kesopanan, dan keselamatan daripada fitnah. Walaupun hukum asal khalwat maya adalah haram berdasarkan qias dengan khalwat hakiki, kajian ini mengiktiraf pengecualian untuk keperluan sah seperti pendidikan, perubatan, dan perniagaan dengan syarat-syarat ketat yang memelihara batasan syarak. Sehubungan itu, aktiviti pergaulan dalam media sosial antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* tetap tertakluk kepada garis panduan hukum syarak tanpa pengecualian. Sebagaimana diharamkan khalwat dalam pertemuan hakiki, demikian juga syarak mengharamkan khalwat dalam media sosial berdasarkan metodologi qias, kerana hukum syarak tidak berubah dengan perubahan medium selagi mana ‘*illah* yang sama wujud.

## 5. Asas Perbincangan

### 5.1 *Pengertian Pergaulan Hakiki dan Pergaulan Maya*

#### 5.1.1. Pengertian Pergaulan

Istilah pergaulan dalam Bahasa Malaysia bersinonim dengan istilah *al-ikhtilat* (الاختلاط) menurut pandangan fuqaha (Al-Marbauwi, 1994; Mahmud Junus, T.th). *Al-ikhtilat* merupakan bentuk masdar daripada kata *khalata* (كَلَّطَ) yang bermaksud campur, gabung atau gaul antara dua perkara atau urusan (Ibn Manzur, 1990; Ibrahim et al., t.th; Hamid, 1988). Fuqaha kemudiannya menggunakan istilah *al-ikhtilat* secara khusus bagi konteks hubungan lelaki dengan perempuan *ajnabiyah* dalam zaman moden. Zaydan (1994) dan al-Muqaddam (1995) mendefinisikan *al-ikhtilat*:

*“Perkumpulan lelaki dan perempuan bukan mahram yang menimbulkan prasangka buruk, atau perkumpulan lelaki dan perempuan bukan mahram di suatu tempat yang membolehkan interaksi sesama mereka melalui pandang memandang, isyarat, perbualan atau sentuhan fizikal tanpa penghalang atau hijab yang berupaya mencegah timbulnya prasangka dan fasad.”*

Anisah (1999) adalah sarjana yang awal di Malaysia memanjangkan isu pergaulan ini. Beliau mengulas bahawa pergaulan merangkumi empat elemen utama: percampuran lelaki dan perempuan *ajnabiyah*, berlaku di lokasi terbuka kepada penglihatan orang lain, melibatkan aktiviti seperti pandang memandang, percakapan atau isyarat, dan terdapat penyertaan sekurang-kurangnya tiga orang.

### 5.1.2. Pengertian Pergaulan Maya

Kamus Dewan Perdana (2020) mendefinisikan maya sebagai sesuatu yang kelihatan wujud tetapi sebenarnya tidak ada seperti bayangan atau khayalan yang berkaitan dengan komputer dan internet. Teknologi digital moden telah mengubah alam maya ini menjadi pengalaman yang hampir menyerupai realiti sebenar melalui aplikasi dan laman web interaktif. Istilah media sosial merupakan terjemahan tepat bagi konsep media digital yang membolehkan interaksi dua hala antara pengguna. Platform digital ini disokong oleh teknologi internet yang memudahkan komunikasi tanpa sempadan geografi. Media sosial ialah aplikasi digital yang membolehkan pertukaran maklumat melalui rangkaian internet. Teknologi ini memudahkan pembentukan komuniti talian dalam kalangan pengguna untuk berkomunikasi melalui mesej segera, panggilan video dan perkongsian kandungan.

Komunikasi berlaku melalui pelbagai platform seperti aplikasi mesej (*WhatsApp*, *Telegram*), laman jejak sosial (*Facebook*, *Instagram*), platform video pendek (*TikTok*), dan aplikasi perkongsian gambar (*Instagram*, *Pinterest*). Platform ini menggunakan teknologi digital untuk memastikan kualiti komunikasi dan keselamatan data pengguna. Sistem pengurusan kandungan membenarkan pengguna memuat naik dan berkongsi pelbagai bentuk media seperti teks, gambar, video, audio dan dokumen melalui storan awan (Shahrul et al., 2019; Tasnim et al., 2019). Ciri pemberitahuan automatik dan cadangan kandungan meningkatkan penglibatan pengguna dalam platform tersebut. Berdasarkan ciri-ciri teknologi media sosial, pergaulan maya dalam konteks komunikasi digital didefinisikan:

*“Interaksi dua hala antara lelaki dan perempuan ajnabiyah yang dilakukan melalui platform media sosial seperti sistem mesej segera, panggilan video, perkongsian multimedia dan laman jejak sosial dalam bentuk pandangan, percakapan, tulisan atau isyarat di antara pengguna.”*

Definisi pergaulan maya di atas merangkumi beberapa elemen penting yang membezakannya dengan komunikasi konvensional. Sifat “interaksi dua hala” menekankan bahawa pergaulan maya melibatkan respons dan maklum balas antara pihak terlibat, bukannya penyebaran maklumat sehalu. Penekanan kepada “lelaki dan perempuan *ajnabiyah*” pula menunjukkan fokus terhadap hubungan antara jantina yang bukan mahram dalam konteks syarak.

Tiga platform utama mewakili sistem komunikasi digital dominan dalam masyarakat kontemporari. Sistem mesej segera seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan *WeChat* membolehkan komunikasi teks dan audio secara langsung. Panggilan video melalui *Zoom*, *Google Meet* dan *Skype* menyediakan interaksi visual masa nyata. Perkongsian multimedia dan laman jejak sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* membenarkan paparan kandungan yang boleh dilihat, diulas dan dikongsi pengguna lain. Empat bentuk interaksi sama ada pandangan, percakapan, tulisan dan isyarat merangkumi spektrum komunikasi manusia lengkap dalam ruang digital, dengan “fitnah” sebagai parameter syarak yang menilai kesan negatif pergaulan terhadap individu dan masyarakat, khususnya berkaitan hukum taklifi ke atas seorang mukallaf.

### 5.1.3. Pengertian Khalwat Maya Dalam Konteks Media Sosial

Khalwat maya merujuk kepada situasi berdua-duaan atau bersunyi-sunyian antara lelaki dengan perempuan *ajnabiyah* ketika berinteraksi dalam media sosial (Mohd Azhar, 2021). Istilah ini merupakan perkembangan baharu dalam wacana akademik dan percakapan harian kerana konsep khalwat tradisional hanya merujuk kepada berdua-duaan secara fizikal yang menimbulkan fitnah (Kamus Dewan Perdana, 2020; al-Bujayrimi, 1995; Qal'ah Ji, 1987). Evolusi teknologi digital telah memperluaskan skop khalwat kepada ruang maya yang memerlukan penelitian mendalam terhadap ciri-ciri dan implikasinya dalam konteks syarak kontemporari. Perbincangan secara mendalam mengenai ciri-ciri khalwat maya akan disentuh nanti.

## 5.2 *Asas Syarak Terhadap Pergaulan Maya*

### 5.2.1. *Hukum Asal Pergaulan*

Penentuan hukum pergaulan maya perlu diasaskan kepada kerangka hukum *al-ikhtilat* sebagai asas perbincangan fiqh. Istilah *al-ikhtilat* dalam wacana kontemporari muncul bagi menggambarkan bentuk interaksi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* yang berkembang selari dengan perubahan sosial moden. Peralihan istilah ini mencerminkan transformasi pola kehidupan umat Islam daripada bentuk pertemuan tradisional kepada interaksi yang lebih terbuka dalam ruang awam dan seterusnya dalam persekitaran digital (al-Qaradawi, 1994, Anisah 1999). Dari sudut penilaian hukum, perbahasan fuqaha kontemporari menunjukkan dua kecenderungan utama berkaitan hukum asal *al-ikhtilat*. Sebahagian sarjana berpendapat bahawa hukum asalnya cenderung kepada larangan, dengan berhujah bahawa pelbagai nas berkaitan khalwat, safar wanita tanpa mahram, serta batasan pergaulan antara jantina menunjukkan kewujudan unsur pencegahan terhadap fitnah. Walaupun dalil-dalil tersebut tidak secara langsung membincangkan pergaulan secara umum, ia dianggap sebagai indikasi kepada prinsip *sadd al-dhara'i'* dalam menutup pintu kerosakan (Zaydan, 1994; al-Muqaddam, 1995).

Sebaliknya, majoriti fuqaha berpandangan bahawa hukum asal pergaulan adalah harus, berasaskan kaedah umum bahawa asal dalam muamalat ialah keharusan selagi tidak terdapat dalil yang jelas mengharamkannya. Pendekatan ini melihat pergaulan sebagai sebahagian daripada keperluan sosial manusia yang tidak dapat dielakkan, sama ada dalam urusan pendidikan, pekerjaan mahupun kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, pengharaman tidak boleh ditetapkan secara mutlak tanpa nas yang sarih dan *qat'i* (Abu al-Shuqqah, 1990). Berdasarkan pertimbangan tersebut, kajian ini cenderung menerima pandangan bahawa hukum asal pergaulan antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* adalah harus, dengan syarat ia dikawal oleh garis panduan syarak yang ketat. Pendekatan ini selari dengan prinsip keluasan dalam muamalat, di samping memastikan bahawa ruang keharusan tidak disalahgunakan sehingga membawa kepada fitnah dan kerosakan akhlak.

### 5.2.2. *Garis Panduan Syarie Bagi Pergaulan Maya*

Perkembangan media sosial sebagai medium interaksi menuntut pengkhususan garis panduan pergaulan agar selaras dengan prinsip syarak dan objektif maqasid. Beberapa sarjana kontemporari telah memperluaskan perbincangan syarat pergaulan umum kepada konteks digital dengan mengambil kira ciri komunikasi tanpa sempadan, pantas dan bersifat peribadi (Mohd Azhar, 2021; Zaharuddin, 2012; Zurita, 2021). Berdasarkan penelitian tersebut, melalui beberapa pengukuran utama berikut:

- a. **Pertama:** Tujuan interaksi. Komunikasi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* hendaklah berasaskan tujuan yang diiktiraf syarak seperti urusan pekerjaan,

- pembelajaran, muamalat atau keperluan sosial yang munasabah. Interaksi yang tidak mempunyai tujuan jelas berpotensi membuka ruang kepada perkara sia-sia dan fitnah.
- b. **Kedua:** Bahasa dan kandungan komunikasi. Setiap bentuk ungkapan, sama ada dalam bentuk teks, audio atau visual, hendaklah mematuhi nilai kesopanan dan akhlak Islam. Perkataan yang bersifat lucu, menghina, menggoda atau mengandungi unsur seksual adalah dilarang kerana bercanggah dengan adab syarak.
  - c. **Ketiga:** Penggunaan nada dan gaya penyampaian. Gaya komunikasi perlu kekal dalam bentuk yang sederhana dan beradab. Sebarang bentuk pelunakan suara secara sengaja atau gaya pertuturan yang boleh menimbulkan tarikan emosi dan rangsangan adalah bercanggah dengan prinsip pencegahan fitnah.
  - d. **Keempat:** Simbol dan ekspresi digital. Penggunaan emoji, gambar, reaksi atau simbol dalam komunikasi maya hendaklah bebas daripada unsur yang membangkitkan syahwat, kebencian atau provokasi. Simbol digital dianggap sebagai lanjutan kepada bahasa dan tertakluk kepada hukum yang sama.
  - e. **Kelima:** Visual dan pendedahan diri. Interaksi yang melibatkan imej atau video hendaklah mematuhi ketetapan syarak berkaitan aurat, larangan tabarruj dan pandangan yang berpanjangan. Pendedahan visual yang melampaui batas berpotensi menghidupkan unsur fitnah walaupun tanpa pertemuan fizikal.
  - f. **Keenam:** Masa dan tempoh komunikasi. Perbualan hendaklah terhad kepada keperluan dan tidak berlarutan tanpa tujuan. Komunikasi yang terlalu panjang atau berulang tanpa keperluan boleh membawa kepada keakraban yang melampaui batas.
  - g. **Ketujuh:** Kekerapan interaksi. Hubungan yang terlalu kerap tanpa justifikasi munasabah boleh membentuk keterikatan emosi yang membuka ruang kepada fitnah. Oleh itu, kekerapan komunikasi perlu dikawal selaras dengan tujuan asal interaksi.
  - h. **Kelapan:** Waktu komunikasi. Pemilihan waktu komunikasi hendaklah mengambil kira norma (*urf*) dan kesesuaian syarak. Interaksi pada waktu yang mencurigakan atau tidak wajar, seperti lewat malam tanpa keperluan mendesak, boleh menimbulkan syubhah dan prasangka.
  - i. **Kesembilan:** Adab dan kesantunan. Keseluruhan komunikasi hendaklah mencerminkan akhlak Islam seperti menjaga batas gurauan, mengelakkan pujian berlebihan yang boleh membawa kepada unsur godaan serta menjauhi perlakuan yang merendahkan nilai maruah diri.

Semua pengukuran di atas berfungsi sebagai pelengkap kepada prinsip asas pergaulan yang telah ditetapkan oleh syarak. Dalam konteks komunikasi digital, pematuhan terhadap garis panduan ini menjadi asas penting bagi memastikan interaksi maya kekal dalam lingkungan yang diharuskan serta tidak membawa kepada bentuk khalwat yang dilarang.

Rajah 1: Syarat dan Aktiviti Pergaulan Maya



Sumber Penulis (2025)

Sembilan elemen dalam garis panduan tersebut adalah tergabung dalam empat kategori induk, iaitu tujuan interaksi, masa komunikasi, ruang interaksi dan kesopanan komunikasi. Pembahagian ini dibuat bagi membentuk satu kerangka analitikal yang lebih tersusun dan mudah difahami dalam menjelaskan prinsip pergaulan maya menurut perspektif syarak. Di bawah kategori masa melibatkan kekerapan interaksi dan waktu komunikasi. Kategori ruang merangkumi kemudahan, kecepatan dan kawalan. Kategori tujuan berkaitan maksud yang mendorong interaksi. Manakala kategori kesopanan pula merangkumi aspek bahasa komunikasi, gaya penyampaian, simbol digital dan adab interaksi yang berkaitan secara langsung dengan etika serta akhlak.

### 5.3 *Pandangan Syarak Terhadap Khalwat Maya*

#### 5.3.1. Elemen-elemen Khalwat Maya

Penggunaan umum perkataan khalwat merujuk kepada perlakuan menyalahi moral, terlarang dan sumbang. Kamus Dewan Perdana (2020) memberi maksud khalwat dari sudut bahasa ialah bersendirian, berdua-duaan atau pertemuan di tempat yang sunyi antara lelaki dan perempuan yang tidak bernikah dan melakukan perbuatan sumbang. Khalwat ialah lelaki bersama wanita *ajnabiyah* di suatu tempat yang tertutup dari pandangan seseorang. Fuqaha menegaskan bahawa dosa telah ditulis dengan semata-mata berlakunya suasana berdua-duaan seorang lelaki dengan seorang perempuan *ajnabiyah*, meskipun tiada pendedahan aurat atau perkataan yang menggoda (Qal'ah Ji, 1987; Saqar, T.th; Qaradawi, 1994). Saqar (t.th) merumuskan empat ciri khalwat, iaitu;

- a. Berkesedudukan antara lelaki dan perempuan sama ada dua orang atau beberapa orang.
- b. Tiada ikatan yang sah di sisi syarak sama ada nikah, mahram abadi atau hamba,
- c. Satu tempat yang tertutup atau terselindung daripada penglihatan awam, dan
- d. Mendatangkan prasangka, sumbang atau fitnah.

Al-Jamal (t.th) dan al-Bujayrimi (1995) memberikan parameter ukurannya adalah;

وَضَابِطُ الْخُلُوةِ اجْتِمَاعٌ لَا تُؤْمَنُ مَعَهُ الرَّبِيبَةُ عَادَةً

Terjemahan: Ukuran bagi khalwat ialah pertemuan yang tidak aman daripada prasangka (fitnah) pada kebiasaan masyarakat.

#### 5.3.2. Dalil syarak Terhadap Hukum Khalwat Maya

Secara khusus tiada nas yang sarif berkaitan hukum pergaulan yang bukan secara hakiki, apatah lagi teknologi maya yang hanya diperkenalkan tahun 1970-an dan berkembang pesat pada tahun 2000-an (Castells, 2015). Namun, pembinaan hukum syarak tidak terhad kepada pendekatan tekstual sahaja, tetapi merangkumi metodologi istinbat yang menyeluruh melalui prinsip-prinsip syarak dan kaedah-kaedah fiqh yang komprehensif. Al-Shatibi (2018) menegaskan bahawa syariat diturunkan untuk merealisasikan *maslahah* manusia, manakala al-Qarafi (2010) menjelaskan bahawa hukum syarak dibina berdasarkan makna dan hikmah, bukan sekadar lafaz semata-mata. Justeru, sebarang perbuatan baharu yang berkongsi sebab pensyariatian hukum (*'illah al-hukm*) yang sama dengan nas-nas syarak tertakluk kepada hukum yang sama melalui pendekatan qias, *masalih mursalah* dan *sadd al-dhara'i*, walaupun tidak disebutkan secara eksplisit dalam teks. Dalil al-Quran yang dijadikan asas pengharaman khalwat maya dapat diistinbat melalui ayat 27 surah al-Nur sebagaimana berikut;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ذَلِكَ خَيْرٌ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ (٢٧)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). (Q.S al-Nur 24: 27)

Sebab nuzul ayat di atas adalah berkaitan aduan seorang wanita Ansar yang merasa ruang privasinya terganggu disebabkan seorang lelaki daripada ahli keluarganya masuk ke dalam rumahnya dalam keadaan ia tidak bersedia menerima tetamu (al-Qurtubi, 2023; Ibn Kathir, 1999). Ulama menetapkan hukum bahawa meminta izin sebelum memasuki rumah orang lain adalah wajib, manakala memberi lafaz salam adalah sunat (al-Zuhayli, 1997). Al-Sa'di (2011) menegaskan larangan tersebut disebabkan memungkinan mencetuskan kerosakan dan fitnah yang pelbagai, antaranya terdedah aurat, mengganggu istirahat dan kecurian. Ayat ini secara spesifik menyusun adab sosial yang berlandaskan syarak dan mempunyai makna ketamadunan serta kehalusan budi yang tinggi kerana mengandungi pengaturan kehidupan masyarakat dan keadaan keluarga dalam rumah tangga, bagi memelihara ikatan kasih sayang dan cinta kasih, serta mengekalkan kebaikan pergaulan dalam kalangan orang yang beriman (Ibn 'Ashur, 2012; al-Zuhayli, 1997).

Berdasarkan sebab pensyariatian hukum (*'illah al-hukm*) yang terkandung dalam ayat 27 surah al-Nur, aplikasi media sosial dapat diqiaskan dengan pintu rumah dalam konteks digital. Platform komunikasi peribadi merupakan "pintu maya" yang memerlukan izin sebelum diakses, berdasarkan tiga wajah persamaan sebagaimana di bawah;

- a. Perlindungan privasi. Menghantar mesej tanpa izin kepada seseorang yang bersuami/beristeri sama seperti memasuki rumah tanpa kebenaran, kedua-duanya melanggar batasan peribadi yang ditetapkan syarak.
- b. Pencegahan kerosakan. Ketiga kerosakan yang disebut al-Sa'di (terdedah aurat, gangguan ketenteraman, kecurian) berpadanan dengan kerosakan maya. Terdedah rahsia peribadi, gangguan rumahtangga, dan pengalihan kasih sayang daripada pasangan sah.
- c. Pemeliharaan adab pergaulan. Meminta izin dalam komunikasi digital merupakan manifestasi adab yang memelihara harmoni sosial sebagaimana dimaksudkan ayat berkenaan.

Oleh itu, hukum meminta izin sebelum berkomunikasi melalui media sosial dengan seseorang yang bukan mahram adalah dituntut berdasarkan qias ini, bagi mengelakkan khalwat maya dan memelihara kesucian perhubungan masyarakat Islam. Larangan memasuki ruang perempuan *ajnabiyah* sebagaimana dituntut dalam ayat al-Nur diperkukuh melalui hadis-hadis sahih yang secara eksplisit mengharamkan khalwat hakiki. Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالِدُخُولَ عَلَى النِّسَاءِ

Terjemahan: Jagalah diri kamu daripada memasuki tempat perempuan (*ajnabiyah*).

[Sahih al-Bukhari, no. hadis: 5253]

Hadis tersebut boleh diqiaskan kepada sebarang bentuk memasuki ruang tertutup daripada pandangan umum yang di dalamnya terdapat seorang perempuan tanpa mahramnya, sama ada bilik fizikal atau ruang yang menyerupainya, apabila berlaku interaksi yang boleh

menimbulkan fitnah. Peringatan “*iyyakum*” (إِيَّاكُمْ) dalam hadis menunjukkan larangan tegas (*tahdhir*) yang bersifat menyeluruh. Lafaz “memasuki” (*al-dukhl*) tidak terhad kepada ruang fizikal semata-mata, tetapi merangkumi sebarang bentuk akses kepada ruang peribadi perempuan *ajnabiyah*. Dalam konteks komunikasi maya, ruang sembang peribadi (*private chat*), panggilan video persendirian, dan mesej peribadi (*direct message*) merupakan bentuk “memasuki ruang tertutup” yang dimaksudkan dalam hadis.

*Illah* larangan ini ialah pencegahan fitnah dan kerosakan akhlak, yang sama berlaku dalam komunikasi digital peribadi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah*. Justeru, qias hadis ini kepada komunikasi maya adalah sah berdasarkan persamaan ‘*illah* dan kesan yang ditimbulkan, menjadikan komunikasi peribadi melalui media sosial tanpa kehadiran mahram sebagai satu bentuk khalwat yang diharamkan syarak. Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda;

لَا يَخْلُونَ رَجُلًا بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Terjemahan: Jangan berkhalwat seorang lelaki dengan seorang perempuan kecuali bersamanya mahram. [Sahih Muslim, no. hadis: 3336].

Kedua-dua hadis tersebut boleh diqiaskan kepada sebarang bentuk memasuki ruang tertutup daripada pandangan umum yang di dalamnya terdapat seorang perempuan tanpa mahramnya, sama ada bilik fizikal atau ruang yang menyerupainya, apabila berlaku interaksi yang boleh menimbulkan fitnah. Hadis kedua secara khusus menetapkan syarat kehadiran mahram sebagai penghalang kepada khalwat. Dalam konteks komunikasi maya, aplikasi seperti ruang sembang peribadi, panggilan video persendirian dan mesej peribadi bersamaan dengan “memasuki ruang tertutup” yang dimaksudkan hadis pertama, manakala ketiadaan mahram dalam komunikasi digital memenuhi ciri khalwat yang dilarang dalam hadis kedua.

Peringatan “إِيَّاكُمْ” (jagalah diri kamu) dalam hadis pertama dan larangan tegas “لَا يَخْلُونَ” (jangan berkhalwat) dalam hadis kedua menunjukkan pengharaman komprehensif yang merangkumi segala bentuk khalwat, termasuk khalwat maya melalui platform digital. *Illah* larangan ini ialah pencegahan fitnah dan kerosakan akhlak, yang sama berlaku dalam komunikasi digital peribadi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* tanpa kehadiran mahram sebagai pengawas. Justeru, qias kedua-dua hadis kepada komunikasi maya adalah bertepatan berdasarkan persamaan ‘*illah* dan kesan yang ditimbulkan, menjadikan komunikasi peribadi melalui media sosial tanpa kehadiran mahram sebagai satu bentuk khalwat yang diharamkan syarak.

### 5.3.3. Aplikasi Metodologi Qias Bagi Hukum Khalwat Maya

Qias merupakan kaedah istinbat hukum dalam usul fiqh yang bermaksud menganalogikan atau mengqiaskan suatu kes baru yang tidak terdapat nasnya dengan kes yang telah ada nasnya berdasarkan persamaan ‘*illah* (sebab atau hikmah hukum) antara kedua-duanya. Secara etimologi, perkataan qias bermaksud mengukur, membanding atau menyamakan sesuatu dengan yang lain (Ibn Manzur, 1990; al-Marbauwi; 1994; Qal’ah Ji, 1987). Dari sudut terminologi syarak, qias ialah menghubungkan sesuatu yang tidak ada nas mengenainya dengan sesuatu yang ada nas mengenainya dalam hukum kerana adanya persamaan sifat yang menjadi sebab bagi hukum tersebut. Kaedah qias ini terdiri daripada empat rukun utama iaitu *al-asl* (yang ada nasnya), *al-far’* (kes baru yang hendak diqiaskan), *al-illah* (sebab hukum yang menjadi penghubung antara asal dan *furu’*) dan *hukm al-asal* yang akan dipindahkan kepada *furu’*. Qias menduduki dalil keempat selepas al-Quran, hadis dan ijmak dalam kalangan majoriti ulama usul fiqh Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (al-Ghazali, 1997; Zaydan; 2001) Penetapan ‘*illah* merupakan aspek kritikal dalam qias (Ahmad, 2018; Ahmad Safwan, 2019).

Dalam konteks khalwat maya, ‘illah “pencetus fitnah dan kerosakan moral” terbukti melalui beberapa indikator empirikal seperti dijelaskan dalam subtajuk keburukan pergaulan bebas dalam media sosial. Malah, kajian perbandingan menunjukkan bahawa peluang dan keterbukaan pergaulan maya lebih mendedahkan kepada keburukan berbanding pergaulan hakiki seperti rajah di bawah;

Jadual 2: Perbandingan Ciri Interaksi Fizikal dan Interaksi Digital

	<b>Aspek Perbandingan</b>	<b>Interaksi Fizikal (Hakiki)</b>	<b>Interaksi Digital (Maya)</b>
1	Medium interaksi	Berlaku secara bersemuka dalam dunia nyata	Berlaku melalui medium teknologi dan rangkaian digital
2	Bentuk interaksi	Melibatkan visual, pertuturan, sentuhan dan gerak tubuh secara langsung	Terhad kepada visual, teks, audio dan simbol tanpa sentuhan fizikal
3	Lingkungan interaksi	Terikat dengan ruang fizikal tertentu	Bergantung kepada platform aplikasi dan perisian komunikasi
4	Cakupan geografi	Terhad kepada lokasi tertentu	Melangkaui sempadan geografi tanpa batas
5	Dimensi masa	Berlaku dalam tempoh tertentu dan bersifat sementara	Tidak terikat masa dan boleh berlaku secara berterusan
6	Kadar penyampaian	Bergantung kepada pergerakan fizikal dan situasi semasa	Berlaku secara pantas melalui jaringan internet
7	Tahap pemantauan	Lebih mudah dikawal melalui kehadiran sosial dan persekitaran	Lebih sukar dikawal kerana bersifat peribadi dan tersembunyi
8	Keperluan kos	Memerlukan perbelanjaan tertentu bergantung kepada lokasi dan keadaan	0.00

Sumber: Penulis (2025)

Pendekatan metodologi istinbat yang digunakan dalam analisis ini membuktikan keupayaan dan kedinamikan syariat Islam dalam menangani isu-isu kontemporari tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan oleh nas dan ijmak ulama. Penetapan hukum ini bukanlah sekadar larangan teknikal yang kaku, tetapi merupakan manifestasi objektif *Maqasid al-Shariah* dalam memelihara tiga aspek fundamental: kehormatan (*hifz al-'ird*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan kestabilan institusi kekeluargaan dalam menghadapi cabaran era digital.

#### 5.3.4. Pandangan Institusi Fatwa Terhadap Pergaulan Bebas Digital

*Irsyad al-Fatwa*, Siri Ke-491 (2021) menghubungkan hadis-hadis khalwat hakiki dengan khalwat dalam talian sebagai sama-sama diharamkan berdasarkan kesamaan natijah atau akibat yang ditimbulkan. Walaupun secara zahir hadis-hadis berkenaan larangan khalwat merujuk kepada khalwat fizikal dan bukan melalui medium moden seperti panggilan video, namun komunikasi tersebut boleh membuka ruang kepada timbulnya fitnah sekiranya dilakukan tanpa keperluan syarie dan tidak memenuhi garis panduan ulama.

Pandangan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan ini mengukuhkan qias yang dibentangkan berdasarkan pendekatan *sadd al-dhara'i'* (menutup jalan kerosakan) yang menjadi asas pengharaman khalwat dalam Islam. Beliau menekankan bahawa hukum khalwat tidak terhad kepada pertemuan fizikal semata-mata, tetapi merangkumi sebarang bentuk interaksi peribadi antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* yang berpotensi menimbulkan fitnah, termasuk melalui teknologi digital. Kesimpulan ini selari dengan prinsip fiqh bahawa hukum

syarak tidak berubah dengan perubahan medium atau cara pelaksanaan, selagi mana 'illah dan natijah yang sama wujud. Oleh itu, komunikasi maya antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* tanpa mahram atau tanpa keperluan syarie yang mendesak adalah diharamkan berdasarkan qisas dengan khalwat hakiki yang telah ditetapkan dalam nas syarak.

Walaupun hukum asal berinteraksi melalui media sosial adalah harus berdasarkan prinsip *al-ashl fi al-Ishya'i al-ibahah* (asal sesuatu itu harus), namun ulama kontemporari mengaplikasikan kaedah *sadd al-dhara'i'* (menutup jalan kerosakan) secara komprehensif dalam konteks pergaulan aya antara bukan mahram. Pandangan *Islamweb.net* (Fatwa No. 453287, 2021) menegaskan larangan komunikasi antara jantina melalui media sosial:

فَالاتِّصَالُ بَيْنَ الْجِنْسَيْنِ عَبْرَ وَسَائِطِ التَّوَاصُلِ الْاجْتِمَاعِيِّ الشَّبَكِيَّةِ، الْأَصْلُ فِيهِ الْمَنْعُ؛ لِأَنَّهُ مَظَنَّةُ الْفِتْنَةِ

Terjemahan: Komunikasi antara dua jantina melalui platform media sosial pada asalnya dilarang kerana ia merupakan medan potensi fitnah (*mazinnah al-fitnah*)

*Dar al-Ifta' al-Urduniyyah* (Jabatan Fatwa Jordan, Fatwa No. 3542, 2021) menggariskan bahaya perbualan peribadi dalam talian:

الْحِوَارَاتُ الْخَاصَّةُ بَيْنَ الْجِنْسَيْنِ لَا تَحُلُو مِنْ مُحَالَفَاتٍ شَرَعِيَّةٍ، وَتُوَدِّي إِلَى التَّعَلُّقِ الْمَحْرَمِ.

Terjemahan: Perbualan peribadi antara lelaki dan perempuan tidak terlepas daripada pelanggaran syarak dan membawa kepada ketertarikan yang diharamkan.

*Dar al-Ifta' al-Urduniyyah* (2021) menjelaskan kebimbangan yang mendalam interaksi melalui *chatting*;

تُحْرَمُ الْمُحَادَثَةُ الْخَاصَّةُ بَيْنَ الشَّابِّ وَالْفَتَاةِ عَبْرَ مَا يُسَمَّى بِ(الشَّاتِ)، وَلَوْ فِي أُمُورٍ عَامَّةٍ وَمُبَاحَةٍ، وَذَلِكَ لِمَا يَتَرْتَّبُ عَلَى هَذِهِ الْمُحَادَثَاتِ مِنْ تَسَاهُلٍ فِي الْحَدِيثِ وَرِقَّةٍ فِي الْقَوْلِ، يَدْعُو إِلَى الْإِعْجَابِ وَالْإِفْتِتَانِ غَالِبًا

Terjemahan: Diharamkan perbualan peribadi antara pemuda dan pemudi melalui 'chat', walaupun dalam perkara umum dan mubah. Ini kerana perbualan tersebut membawa kepada sikap terlalu santai dalam percakapan dan kelembutan dalam tutur kata, yang lazimnya mendorong kepada rasa kagum dan terpicik

Sehubungan itu berborak dengan maksud semata-mata berbual, bercakap-cakap kosong atau bersebang-sembang dengan seseorang yang bukan mahram tanpa tema, maksud dan keperluan, hanya sekadar memenuhi masa kosong adalah suatu perbuatan yang tidak diragukan boleh menyumbang fitnah dan bercanggah dengan adab-adab syarak, sementelah antara remaja atau pemudi (Mohd Azhar, 2021). Pendapat-pendapat fuqaha di atas menunjukkan bahawa syariat melarang interaksi sosial secara bersendirian antara bukan mahram ketika tiada keperluan atau tujuan yang dibenarkan syarak. Namun, sekiranya terdapat keperluan pada waktu yang sesuai dan terjamin daripada fitnah seperti dalam hubungan guru dengan pelajar, doktor dengan pesakit dan penjual dengan pembeli, maka diharuskan berdasarkan kaedah fiqh:

مَا حُرِّمَ سَدًّا لِلذَّرِيعَةِ أُبِيحَ لِلْمَصْلَحَةِ الرَّاجِحَةِ

Terjemahan: Sesuatu yang diharamkan kerana *sadd al-dhara'i'* diharuskan untuk masalah yang lebih besar.

Pendekatan ulama kontemporari mencerminkan kebijaksanaan dalam mengimbangi antara realiti teknologi moden dengan perlindungan nilai moral Islam. Larangan ini bukan bertujuan menyekat kemajuan, tetapi memelihara kesucian hubungan dan mencegah kerosakan sosial yang terbukti melalui kajian empirikal seperti yang dibincangkan sebelum ini.

## 6. Kesimpulan

Perbincangan komprehensif dalam artikel ini telah membuktikan bahawa konsep khalwat maya antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* mempunyai asas kukuh dalam syariah Islam. Melalui aplikasi metodologi qias yang sistematik, kajian ini telah berjaya menetapkan kesahan pengharaman khalwat maya berdasarkan persamaan '*illah* dengan khalwat hakiki. Analisis mendalam terhadap rukun-rukun qias menunjukkan bahawa khalwat maya memenuhi semua syarat untuk diqiaskan dengan khalwat hakiki, iaitu wujudnya *asl* (khalwat hakiki yang diharamkan), *far'* (khalwat maya), '*illah* (potensi fitnah dan kerosakan moral), dan *hukm* (pengharaman).

Kajian ini telah mengenal pasti lima ciri utama khalwat maya yang menjustifikasikan pengharaman melalui qias:

- i. Interaksi eksklusif antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* tanpa kehadiran pihak ketiga.
- ii. Komunikasi dalam ruang peribadi digital yang menyerupai bilik tertutup.
- iii. Kerahsiaan maklumat yang dikongsi tanpa pengetahuan pihak lain.
- iv. Ketiadaan batasan masa dan tempat, memungkinkan komunikasi pada waktu-waktu rawan.
- v. Kekekapan interaksi yang sukar dikawal akibat kemudahan teknologi.

Berdasarkan analisis qias tersebut, khalwat maya didefinisikan sebagai: Komunikasi digital secara dua hala antara lelaki dan perempuan *ajnabiyah* dalam keadaan bersendirian yang mendatangkan syak, fitnah atau membangkitkan syahwat. Aplikasi metodologi qias dalam kajian ini membuktikan bahawa hukum syarak tidak berubah dengan perubahan medium komunikasi. Sebagaimana khalwat hakiki diharamkan berdasarkan nas, khalwat maya juga tertakluk kepada hukum haram berdasarkan qias kerana berkongsi '*illah* yang sama. Walaupun tiada peruntukan undang-undang syariah Malaysia untuk pendakwaan khalwat maya, perbuatan tersebut tetap dikira maksiat. Namun demikian, Islam tidak menolak teknologi secara mutlak. Interaksi maya dibenarkan untuk keperluan sah seperti pendidikan, perubatan, dan perniagaan dengan syarat-syarat ketat yang memelihara batasan syarak. Kesimpulannya, metodologi qias telah membuktikan relevansinya dalam menangani isu-isu kontemporari dengan menetapkan bahawa khalwat maya adalah haram sebagaimana khalwat hakiki. Masyarakat Muslim perlu menyedari bahawa ruang maya bukanlah zon bebas dari tanggungjawab moral dan spiritual. Konsep khalwat maya yang dibuktikan melalui qias ini perlu diperluaskan penggunaannya untuk memupuk kesedaran bahawa larangan pergaulan bebas dalam Islam meliputi semua bentuk interaksi, sama ada fizikal mahupun maya, selagi mana '*illah* pengharaman tetap wujud.

## Rujukan

- Abu Shuqqah, 'Abd al-Halim. (1990). *Tahrir al-Mar'ah fi 'Asr al-Risalah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 85-102.
- Ahmad, M. Y. (2018). Aplikasi Kaedah Qiyas Dalam Penetapan Hukum Islam Kontemporari. *Jurnal Syariah*, Universiti Malaya. 26(2), 45-68.

- Ahmad Safwan Raihan & Muhammad Norazam Nordin. (2019), "Kajian Keberkesanan Aplikasi WhataApp Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan Remaja". *Jurnal 'Ulwan*. Kolej Universiti Islam Melaka. Vol. 4, 76, 67-85.
- Anisah bt. Ab Ghani (1999), "Batas-Batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Dalam Masyarakat Malaysia Kini: Satu Huraian Hukum". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Vol. 7, No. 1, 23-34.
- Bernama. Tiada Kawalan Penggunaan media Sosial Punca Gejala Sosial Meningkat di Kelantan. 2 Julai 2025. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2440651>. 13/4/2026.
- Berita Harian. Pergaulan Bebas, mangsa keganasan seksual faktor utama 16,951 remaja hamil tanpa nikah. 20 November 2025. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1474262/pergaulan-bebas-mangsa-keganasan-seksual-faktor-utama-16951-remaja#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1474262/pergaulan-bebas-mangsa-keganasan-seksual-faktor-utama-16951-remaja#google_vignette). 13/4/2026
- Bujayrimi, Sulayman bin Muhammad bin 'Umar. (1995). *Hashiyah al-Bujayrimi 'ala al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Castells, Manuel. (2015). *Networks of Outrage and Hope*. Networks of Outrage and Hope: Social Movements in the Internet Age (2nd ed.). Cambridge: Polity Press.
- Dar al-Ifta' al-'Am*, Jordan, No. 310: "(Messenger) al-Tahaduth ma'a al-Jins al-Akhar 'an Tariq al-Masenger, 17/8/2009. Retrieved: 20th August 2021. <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=310#.YVRpf5pBzcc>.
- Gottman, J., & Silver, N. (2024). *How To Build Trust With Your Partner After Infidelity*. Gottman Institute Press.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (1966). *Hasyiah Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Kaherah: Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. (2012). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar Sahun.
- Ibn Kathir, Abu Fiqa' Isma'il. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. T. tmp: Dar Tayyibbah.
- Ibn Hajar al-Haythami. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim. (1999). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mustafa et. al. (1988). *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Irsyad al-Fatwa*, Siri Ke-491, "Hukum Seorang Perempuan Bermesyuarat Atas Talian Yang Melibatkan Ramai Lelaki", 12 April 2020. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved: 11th August 2021. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4429-irsyad-al-fatwa-siri-ke-491-hukum-seorang-perempuan-bermesyuarat-atas-talian-yang-melibatkan-ramai-lelaki>
- Islamweb.net*. (2021). "Hudud al-Tawasul bain al-Jinsayn 'Ibr al-net", Fatwa No. 245071, 19/3/2014. Retrieved: 26rd July 2021. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/245071/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Perangkaan Perkahwinan dan Penceraian Malaysia 2023.
- Al-Jamal, Sulayman bin 'Umar. (T.th). *Hashiyah al-Jamal 'ala Shar Manhaj al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan Perdana. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar bin Abdullah. (2021). Pedoman Pergaulan Antara lelaki dan Perempuan. Kota Bharu: Maahad Tahfiz Darul Huffaz.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Muqaddam, Muhammad Ahmad Ismail. (1995). *'Awdah al Hijab*. Riyad: Dar al-Tibah.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris al-Marbauwi (1994). *Kamus Al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Mahmud Yunus. (T.th). *Kamus Arab-Indonesia*. Selangor: Klang Book Center.
- Maheu, M. M., & Subotnik, R. B. (2007). *Infidelity on the internet: Virtual relationships and real betrayals*. Sourcebooks Inc.
- MyMetro. Kesan trauma sebabkan remaja mangsa rogol tawar khidmat seks - Pakar psikologi. Amir Abd Hamid. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269700/kesan-trauma-sebabkan-remaja-mangsa-rogol-tawar-khidmat-seks-pakar?source=widget>. 13/4/2026.
- Al-Nawawi. (T.th). *Al-Majmu' Shar al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nurul Izzah Noor Zainan et al. (2021), "Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal", Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021), 100 & 101.
- Orestes, P. (2002). The impact of social media on Asian youth morality: A comparative study. *Asian Journal of Social Psychology*, 5(3), 213-228.
- Pulley, A., & Golden, S. (2023). Love and infidelity: Causes and consequences. *PLoS Medicine*, 20(3), Article PMC10002055. <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC10002055/>
- Qal'ah Ji, Muhammad Rawwas dan Hamid Sadiq Qunaibi (1987). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Lubnan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fatawa Mu'asirah*. Kaherah. Dar al-Wafa'.

- Al-Qarafi, Abi al-Abbas Ahmad bin Idris. (2010). *Al-Furuq: Anwar al-Buruq fi Anwar al-Furuq*. Tahqiq: Muhammad Ahmad- 'Ali Juma'ah. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. (2023). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Saqar, 'Atiyyah. (T.th). *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Ghad al-'Arabi.
- Al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa. (2018). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Tahqid: Abdullah Darraz dan Muhammad Abdullah Darraz. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sharbini, al-Khatib. (1994). *Al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shahrul Nazmi Samusi, et al. (2019). "Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Kelang". *Jurnal Komunikasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid 35 (4) 2019, 104.
- Al-Sa'di, 'Abd al-Rahman bin Nasir. (2011). *Tafsir al-Sa'di*. Beirut: Muasassah al-Risalah.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall/Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Tasnim Rosli, Yogenathan Muniandy & Kamarul Azmi Jasmi (2019), "Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam", Prosiding Seminar Sains Teknologi, dan Manusia (SSTM'19). Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM, 15th December 2019, 115.
- Utusan Malaysia. Dunia digital jerat baharu remaja. 23 Oktober 2025. <https://www.utusan.com.my/premium/2025/10/dunia-digital-jerat-baharu-remaja/>. 13/4/2026
- Young, K. S. (2008). Online Infidelity in Internet Chat Rooms: An Ethnographic Exploration. *Computers in Human Behavior*, Vol. 23(1), 11-31. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2004.03.033>. Carian: 23/9/2025.
- Yuan, Z. (2024). Impact of Media dependence: How Emotional Interactions Between Users and Chat Robots Affect Human Socialization? *Frontiers in Psychology*, Vol. 15, Article 1388860. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1388860>. Carian: 23/9/2025.
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2021). *Ledakan Facebook Antara Pahala dan Dosa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1994). *Al-Mufassal Fi Al-Ahkam Al-Mar'ah Wa Al-Bayt Al-Muslim Fi Al-Syari'ah Al-Lslamiyyah*. Syria: Mu'asasah al-Risalah.
- Zaydan, Abd al-Karim. (2001). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Syria: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manha*. Damshiq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Zurita bt Mohd Yusoff, et al. (2021). Batasan Pergaulan Di Alam Maya Menurut Perspektif Islam. *Tamadun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*. Vol. 22(2), 2021, 165-175.